



POLIS menahan lima lelaki selepas menjumpai sejumlah 180,000 benih udang karang daripada negara jiran yang dibawa masuk ke negara ini tanpa permit sah dalam sebuah bot dekat Tanjung Sedili, petang kelmarin.

Bot mencurigakan bawa benih udang karang RM1.8 juta tanpa permit sah

HM 14/09/23 ms 6

Johor Bahru: Seludup benih udang karang bernilai RM1.8 juta daripada negara jiran menggunakan bot.

Itu tindakan lima lelaki diberkas polis dalam operasi khas 'Op Taring Landai' di Tanjung Sedili, Kota Tinggi jam 5:30 petang kelmarin.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, terdahulu, anggo-

ta Unit Risik Marin Mar- kas Taktikal Pengerang menerima maklumat ber- kaitan sebuah bot men- curigakan di jeti awam Le- garan Air Gemuruh.

"Pemeriksaan dijalan- kan kemudian men- dapati bot ter- sebut mem- bawa seju- mlah kot- tak gabus berwarna

putih mengandungi benih udang karang daripada negara jiran yang tidak mempunyai permit sah.

"Keseluruhan benih udang karang yang dijum- pai adalah sebanyak 180,000 ekor. Seti- ap ekor benih bernilai

RM10." ka- tanya se- malam.

Beliau

berkata, polis kemudian merampas 50 kotak putih berisi 24 bungkus plastik berisi benih udang ka- rang itu.

"Nilai keseluruhan ba- rang rampasan termasuk benih udang karang itu berjumlah RM2.045 juta," katanya.

Kamarul Zaman berka- ta, kes disiasat di bawah Seksyen 40 Akta Perika- nan 1953.

Nilai keseluruhan barang rampasan berjumlah RM2.045 juta